

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89**

Mac/April 1989

EUP 403 Perakaunan Pengurusan

Masa : [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 6 muka surat bercetak dan **EMPAT (4)** soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua **EMPAT (4)** soalan.

Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sisi sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi soalan berkenaan.

Jawab kesemua soalan di dalam Bahasa Malaysia.

1. Sama ada

- (a) Terangkan "Pengekosan Standard" dan "Pengekosan Serapan". Dalam keadaan yang bagaimana sesebuah organisasi dapat menggunakan teknik pengekosan marginal?

(100%)

atau

- (b) Apakah desentralisasi dan apakah objektif desentralisasi dalam sesebuah organisasi. Bincangkan kelebihan dan kelemahan desentralisasi.

(100%)

2. (a) Bincangkan tentang perkara-perkara yang berikut:-

- (i) Pusat Kos
(ii) Pusat Untung
(iii) Pusat Pelaburan

(36%)

- (b) Kolej Stamsford membuat pengkhususan dalam bidang penyediaan bahan kursus gaya pos. Dan semua bahan pembelajaran sendiri dicetak oleh kolej itu.

Bahan kursus pembelajaran itu dicetak sebanyak 10,000 unit pada tahun lalu dan semuanya habis dijual pada tahun itu dengan harga \$150 seunit. Kos pengeluaran setiap unit bagi semua kursus yang ditawarkan oleh kolej itu adalah sama.

Untuk menyediakan setiap bahan kursus yang ditawarkan pada tahun itu, kos berubahnya adalah seperti berikut:-

	\$
Bahan mentah langsung	50.00
Buruh langsung	60.00
Kos-kos lain langsung	6.00
Overhead berubah	4.00

Jumlah kos langsung	\$120.00
	=====

kos tetap overhead kolej itu sepanjang tahun lalu ialah \$200,000.

Dalam tahun akan datang, kos-kos berkenaan dijangka akan meningkat dengan kadar seperti berikut:-

	%
Bahan mentah langsung	20.00
Buruh langsung	16.67
Kos-kos lain langsung	67.00
Overhead berubah	25.00
Overhead tetap	5.00

Kajian pasaran telah menunjukkan bahawa kolej boleh menaikkan harga bahan kursusnya, tetapi kadar kenaikan itu mestilah tidak melebihi 17.5%, dan dijangka jumlah unit yang mahu dijual (yakni 10,000 unit) tidak akan terjejas. Tetapi, seandainya harga itu dinaikkan melebihi had 17.5%, setiap kenaikan 1% melibatkan kejatuhan jumlah jualan dengan kadar 2%.

Anda dikehendaki menyediakan maklumat-maklumat seperti berikut untuk tahun semasa:-

- (i) Andaikan jumlah unit bahan kursus pembelajaran yang dijual dan keuntungan tahunan adalah sama seperti tahun lalu. Cari harga jualan bahan kursus pembelajaran itu.

(42%)

- (ii) Andaikan harga seunit bahan kursus pembelajaran tidak berubah dan jumlah keuntungan bagi seluruh jualan adalah sama seperti tahun lalu. Cari jumlah unit yang mesti dijual oleh kolej itu.

(22%)

3. Apakah konsep belanjawan dan kawalan belanjawan. Bincangkan kegunaan belanjawan dan kawalan belanjawan dalam sesebuah organisasi. Ada atau tidak masalah-masalah yang terpaksa dihadapi ketika belanjawan itu disediakan.

(100%)

4. (a) Huraikan konsep-konsep berikut:-

- (i) "Belanjawan zero-base"
(ii) "Belanjawan bolehubah" (flexible budget)
(iii) Kilang overhed

(36%)

(b) HICO Bhd. mengeluarkan kalkulator elektrik dikilanganya di Ipoh. Kilang ini berupa pusat pengeluaran, sementara semua jualan akan diurus di dua pusat jualan iaitu di bandar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Bagi tempoh 9, iaitu bulan September, pengeluaran dijangka sebanyak 80,000 unit dan struktur kos adalah seperti berikut:

	\$/unit
Bahan langsung dan buruh	9
Overhead berubah	1
Overhead tetap	2
Kos pengeluaran	\$12
	=====

Paras stok tidak berubah dan boleh diabaikan. Jumlah jualan yang dijangka adalah seperti berikut:-

Kuala Lumpur	50,000 unit
Pulau Pinang	30,000 unit

Harga jualan telah ditetapkan \$14 seunit dan kos di pusat-pusat jualan dijangka seperti berikut:-

	Kuala Lumpur	Pulau Pinang
Kos berubah (komisen, jualan, jualan dan pembungkusan)	\$15,000	\$ 9,000
Kos tetap (sewa pusat jualan dan pentadbiran)	\$40,000	\$54,000

-6-

Pihak pengurusan sedang menimbangkan penutupan pusat jualan di Pulau Pinang. Kos tetap pusat jualan Pulau Pinang adalah termasuk \$6,000 yang berupa kos tanggungnya untuk setor pusat di Silibin. Setor pusat ini digunakan oleh kedua-dua pusat jualan itu. Jika pusat jualan di Pulau Pinang ditutup maka semua kos untuk setor pusat akan ditanggung oleh pusat jualan di Kuala Lumpur.

Pencen pengurus pusat jualan di Pulau Pinang sebanyak \$3,000 setahun perlu dibayar dan beliau dijangkakan akan hidup lama.

Jika pusat jualan di Pulau Pinang ditutup, pengeluaran kilang untuk tempoh 9 akan jatuh ke paras 50,000 unit, tetapi kos tetap kilang HICO Bhd. tidak akan kurang dan kapasiti pengeluaran yang lebih itu tidak digunakan.

Penyata-penyata yang dikehendaki adalah seperti berikut:-

(i) Mengapa pihak pengurusan menimbangkan penutupan pusat jualan di Pulau Pinang.

(32%)

(ii) Adakah penutupan pusat jualan di Pulau Pinang itu akan memberi kesan terhadap keuntungan HICO Bhd.?

(32%)

-ooooOooo-